



Xenotransplan Stem Cell rawat sindrom down

Oleh: NURUL ANUAR KARI

KUALA LUMPUR 6 March. -**MUNGKIN** ramai tidak percaya tetapi perkembangan perubatan terkini telah membolehkan seorang pesakit sindrom down kelihatan dan hidup seperti seorang yang normal.

Sindrom down merupakan sejenis penyakit yang berlaku akibat masalah kromosom berlebihan pada pasangan kromosom 21 (Trisomy 21).

Penyakit ini berlaku pada satu dalam setiap 700 kelahiran di seluruh dunia dan satu dalam setiap 660 kelahiran di Malaysia, tanpa mengira bangsa atau status sosio-ekonomi.

Walaupun risiko mendapat anak dengan sindrom down meningkat dengan usia ibu ketika mengandung terutamanya jika mengandung pada usia melebihi 40 tahun, 80 peratus bayi sindrom down dilahirkan ibu di bawah usia 35 tahun.

Ujian trimester pertama boleh dilakukan semasa kandungan berusia di antara 10 hingga 14 minggu menggunakan kombinasi ujian ultrasound dan ujian darah untuk mengenalpasti sindrom down dan kecacatan jantung.

Antara masalah yang akan dihadapi pesakit sindrom down termasuk kecacatan mental, pertumbuhan terbantut, masalah jantung, masalah sistem imun, masalah fungsi kelenjar tiroid yang rendah dan kerosakan otak yang menyerupai penyakit alzheimer.

Walaupun mempamerkan rupa yang hampir sama (wajah Mongolia), terdapat perbezaan personaliti, keupayaan, sifat dan perkembangan fizikal bagi setiap pesakit sindrom down.

Punca sebenar sindrom down masih lagi samar dan kaedah untuk merawat penyakit ini juga terbatas kepada ubat untuk mengurangkan risiko penyakit sampingan seperti masalah jantung dan masalah pembesaran terbantut.

Bagi memberikan pilihan rawatan terkini untuk keluarga pesakit sindrom down, satu kaedah rawatan melalui pemindahan Stem Cell (sel induk) mula ditawarkan.

Tetapi rawatan ini bukan mengambil sel dari manusia tetapi dari janin arnab yang akan diproses mengikut keperluan khas setiap individu.

Rawatan Sindrom Down

Pakar xenotransplan terkemuka dunia, Profesor

Dr. E. Michael Molnar, yang ditemui baru-baru ini, mencadangkan kaedah tersebut berdasarkan hasil penyelidikan yang memberangsangkan bagi merawat pesakit sindrom down melalui Xenotransplan Stem Cell.

Beliau memberi jaminan rawatan tersebut selamat, bersih, halal bagi pesakit beragama Islam dan tidak memerlukan ubat seperti yang diambil penerima organ memandangkan tiada penolakan tisu yang berlaku melalui rawatan tersebut.

Kaedah ini kurang mendapat pendedahan memandangkan kebanyakan penerbitan dihasilkan di hospital universiti di Jerman, Perancis, Rusia dan Sepanyol.

Penerbitan yang dibuat dalam bahasa ibunda negara-negara tersebut menjelaskan kejayaan merawat bermacam penyakit kromosom dan genetik melalui pemindahan Stem Cell.

Bagi sindrom down, satu kajian oleh Profesor Dr. Franz Schmid di Jerman pada awal 1950-an menunjukkan lebih 62 peratus daripada 3,000 kanak-kanak Sindrom Down yang dirawat pada usia muda dapat menghadiri tadika awam dan lebih 23 peratus pula dapat menghadiri sekolah biasa bersama-sama kanak-kanak normal lain.

Penyelidikan Schmid yang berterusan selama 43 tahun dengan penerbitan lebih 100 rencana dan buku itu berjaya membuktikan rawatan tersebut memberikan kesan positif pada pesakit.

Rawatan

Penyelidikan tersebut menunjukkan kanak-kanak sindrom down yang melalui rawatan tersebut menunjukkan perkembangan pembesaran yang normal, ciri wajah mongolia hilang sepenuhnya dan peningkatan tahap pergaulan sosial pesakit bersama keluarga dan masyarakat.

Bagaimanapun, rawatan perlu dimulakan secepat mungkin, di antara waktu anak didiagnosis menghidap sindrom down sehingga usia empat tahun bagi memastikan kesan yang lebih positif terhadap pemindahan Stem Cell tersebut.

Selepas usia empat tahun, hasil rawatan semakin kurang memberangsangkan terutamanya terhadap kecacatan otak.

Rawatan untuk kecederaan atau kecacatan otak kurang berkesan memandangkan sel otak tidak dapat tumbuh semula selepas kanak-kanak mencecah usia tertentu.

Kajian terhadap 250 kanak-kanak Sindrom Down baru-baru ini pula mendapati perkembangan mental mereka meningkat dari 17 peratus kepada 58 peratus selepas pemindahan Stem Cell pertama, dan terus meningkat kepada 71 peratus dengan pemindahan kali kedua.

Ujian IQ pula menunjukkan daripada kelompok 25 hingga 49 mata kepada kelompok 50 hingga 69 mata.

Kajian itu turut menunjukkan pengurangan aktiviti hiper, peningkatan tahap tumpuan, kemajuan pergerakan motor (kaki dan tangan) dan peningkatan ketara dalam pertuturan selepas pemindahan Stem Cell pertama.

Bagaimanapun, keputusan ini tidak sama bagi semua kanak-kanak yang dirawat, bergantung kepada usia dan tahap kerosakan pada sel otak pesakit.

Kos rawatan yang dikenakan di Malaysia kini ialah RM26,000 untuk kanak-kanak dan RM50,000 untuk dewasa bergantung jenis rawatan dan berapa jenis Stem Cell yang diperlukan pesakit.

Maklumat lanjut mengenai Xenotransplan Stem Cell boleh diperolehi melalui laman web www.bcro-asia.com atau melalui talian dan 088-772 333.